



HUKM3.10.2/237/2  
23 Jun 2010

Semua Ketua  
Jabatan/Pusat/Unit  
Pusat Perubatan UKM

Y.Bh. Prof/Tuan/Puan,

**Perpindahan Unit Pengurusan Perjawatan Dan Unit Pengurusan Latihan Jabatan Sumber Manusia Ke Aras 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, PPUKM**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Sumber Manusia, Aras 1 telah melalui proses pemasangan unit-unit "workstation" dan pada masa ini kerja-kerja pendawaian elektrik termasuk talian telefon serta rangkaian sedang giat dijalankan.

Selaras dengan perkembangan tersebut, Unit Pengurusan Perjawatan dan Unit Pengurusan Latihan Jabatan Sumber Manusia PPUKM telah pun berpindah ke ruang pejabat di Aras 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar mulai 22 Jun 2010. Dimaklumkan juga Unit Perundangan telah berpindah ke Aras 2, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar berkuat kuasa pada tarikh yang sama. Perpindahan ini adalah bertujuan untuk menempatkan secara berpusat seluruh pegawai dan kakitangan jabatan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Dimaklumkan untuk sementara waktu berikut disampaikan talian-talian yang boleh digunakan bagi tujuan pertanyaan atau rujukan.

Unit Pengurusan Latihan	5143
Unit Pengurusan Perjawatan	5154
Unit Pengurusan Perkhidmatan	5157, 5148, 5168, 5170
Unit Pengurusan Pentadbiran Am (Dalaman)	5145, 5151, 5142

Sukacitanya juga dimaklumkan bahawa jabatan ini akan kembali beroperasi sepenuhnya apabila proses kerja-kerja pendawaian elektrik termasuk talian telefon serta rangkaian disiapkan dalam masa terdekat.

Sebarang kesulitan amat dikesalkan. Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**Roslan Suliman**  
Ketua Penolong Pendaftar Kanan